

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 NOVEMBER 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 38

Pertumbuhan KDNK dijangka merosot ke 2.2%

Pertumbuhan KDNK global dijangka merosot ke 2.2%

Paris: Pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) global dijangka merosot daripada 3.1 peratus tahun ini kepada 2.2 peratus pada 2023, menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dalam Tinjauan Ekonomi terbaharunya pada Selasa.

Angka 2022 itu adalah separuh daripada kadar yang dicatatkan pada 2021 ketika pemulihan daripada wabak Covid-19, dan kadar pertumbuhan yang diunjurkan untuk 2023 jauh daripada ramalan sebelum tercetusnya konflik Rusia-Ukraine, lapor Xinhua.

“Asia akan menjadi enjin pertumbuhan utama pada 2023 dan 2024, manakala Eropah, Amerika Utara dan Amerika Selatan akan menyaksikan pertumbuhan yang sangat rendah,” menurut OECD.

Pasaran utama yang sedang pesat membangun di

Asia diunjurkan menyumbang hampir tiga perempat daripada pertumbuhan KDNK global pada 2023, manakala ekonomi di Amerika Syarikat dan Eropah dijangka perlahan.

“Dikekang akibat harga tenaga dan makanan yang tinggi, keyakinan yang lemah, masalah bekalan yang berterusan, dan kesan awal dasar monetari yang lebih ketat, pertumbuhan tahunan di kawasan euro pada 2023 diunjurkan sebanyak 0.5 peratus,” menurut organisasi itu.

Ekonomi Amerika Syarikat hanya akan berkembang sebanyak 0.5 peratus pada 2023, berbanding 1.8 peratus pada 2022.

“Eropah berusaha menambah rizab gas aslinya dan mengekang permintaan, tetapi musim sejuk di Hemisfera Utara ini pasti menjadikan usaha itu lebih mencabar,” menurut OECD.